

B B059 DEB
MAHATHIR - LAWATAN R R R

ALOR SETAR, 19 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERPUAS HATI DENGAN LAWATANNYA KE NEGERI-NEGERI BAGI MENERANGKAN DASAR KERAJAAN DAN MASALAH PARTI KEPADA PIMPINAN-PEMIMPIN UMNO NEGERI.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU BERNAMA DI SINI SETIBANYA DARI KUALA LUMPUR PETANG INI, LAWATANNYA ITU BERJAYA DAN BELIAU BERPUAS HATI DENGAN SAMBUTAN YANG DIBERIKAN.

SEMASA LAWATAN-LAWATAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MEMBERI PENJELASAN DAN MENJAWAB SEGALA TUDUHAN TERHADAP BELIAU YANG DILEMPARKAN OLEH KUMPULAN YANG MENENTANGNYA DALAM PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN UMNO, JUMAAT INI.

BELIAU MENGAKHIRI LAWATANNYA DENGAN MENGUNJUNGI TERENGGANU SEMALAM DAN MENEMUI PERWAKILAN KE PERHIMPUNAN AGUNG PARTI DI KUALA LUMPUR JUMAAT INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO AKAN MENGHADIRI MAJLIS TAHLIL DI KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF DI MENTALOON DEKAT SINI MALAM INI. -- LAGI.

1921MST 19 04 87

B B065 DEB
MAHATHIR - LAWATAN 2 ALOR SETAR

LEBIH 200 ORANG PEMIMPIN UMNO DAN ANGGOTA PERWAKILAN NEGERI KE PERHIMPUNAN AGUNG AKAN MENGHADIRI MAJLIS TAHLIL ITU .

DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR PAGI ESOK.

-- BERNAMA

1941MST 19 04 87

D682

R B095 DEB
MAHATHIR - LAWATAN 3 ALOR SETAR (SAMBUNG BERITA AWAL)

DI KEDIAMAN MENTERI BESAR, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PEMBERITA BELIAU YAKIN BAHAWA PENJELASAN YANG DIBERI KEPADA PARA WAKIL KE PERHIMPUNAN AGUNG DI SETIAP NEGERI, MENDAPAT PERHATIAN.

BELIAU YAKIN PERWAKILAN BERKENAAN MEMAHAMI KEADAAN SEBENAR ATAS MASALAH-MASALAH YANG DITIMBULKAN +OLEH PIHAK YANG MENENTANGNYA+.

MENJAWAB SOALAN PEMBERITA, BELIAU BERKATA PERWAKILAN YANG DITEMUI PUASHATI ATAS DENGAN PENJELASAN YANG BELIAU BERI TETAPI BERKATA :+BAGAIMANAPUN SAYA TIDAKLAH TAHU MEMBACA HATI MEREKA+.

MENJAWAB SOALAN LAIN, BELIAU YAKIN MENCAPAI KEMENANGAN PADA PERHIMPUNAN 24 APRIL INI.

+KALAU TIADA KEYAKINAN BUAT APA BERTANDING,+ TAMBAHNYA. --
BERNAMA

2205MST 19 04 87